

**Ucapan oleh Leonid Brezhnev di majlis  
Residansi Presiden Nixon "CASA Pacifica"  
San Clemente, California  
23 Jun, 1973**

Pada 23 Jun, Presiden AS, Richard Nixon telah mengadakan majlis jamuan di residansinya Casa Pacifica bagi lawatan Leonid Brezhnev, Setiausaha Agung Jawatankuasa Parti Komunis Soviet Union.

Dalam ucapan mengalu-ngalukan, Leonid Brezhnev berkata "setiap hari kami tinggal di Amerika Syarikat telah membawa perkara-perkara baru dan penting. Semalam kita menandatangani perjanjian mengelakan peperangan Nuklear. Ia adalah tidak mungkin dapat dianggarkan tentang penting bagi kehidupan yang aman bagi rakyat kita dan semua umat manusia di masa depan.

"Dan di sini, di California di Pantai Pasifik, di rumah Presiden Nixon, kita meneruskan kerja-kerja kita. Dalam rangka rundingan hari ini yang telah mengambil masa berjam-jam, kita telah membincangkan beberapa perkara penting. Kita menumpukan usaha kita bagi mengukuhkan keamanan dan saya ingin menamakan rumah ini yang diterjemahkan berbunyi 'Rumah Keamanan' sebagai simbol hubungan antara negara kita dan merangka jalan ke arali keamanan yang kita usahakan bersama.

Leonid Brezhnev berkata beliau gembira dalam masa yang singkat tinggal di California telah memberinya peluang untuk membiasakan diri dengan rakyat California.

Pada akhirnya, pemimpin Soviet telah mengucapkan lahniah kepada Presiden Amerika dan rakyat Amerika kerana kejayaan pengembaraan di angkasa lepas dan meminta ucapan tahniah itu disampaikan kepada angkasa-wan-angkasawan. Beliau juga menyatakan harapan akan terjalin kerjasama yang berjaya antara Soviet dengan Angkasawan Amerika dalam usaha mengembara dan menyelidiki angkasa lepas.

Majlis itu telah beriangsung dalam suasana persahabatan.

TASS

>

